

# Persisi harap silat peringkat a-bangsa

15 OCT 1979

*Pencak Silat*

**PERSISI** berharap dalam masa dua tiga tahun akan datang satu pertandingan silat antarabangsa yang pertama dapat dianjurkan di sini.

Pertandingan itu diharap akan disertai oleh para peserta negara-negara di Barat dan juga negara-negara di sebelah Timur.

Demikian dinyatakan oleh Encik Ariff Zahari, setiausaha agung Pasak Singapura juga penolong setiausaha agung Persisi yang menarik perhatian bahawa seni silat kini telah mula berkembang di

...sesuai dengan  
peluasannya  
di negeri2 Barat

negara-negara Barat seperti Belanda, Jerman dan Amerika Syarikat.

## Fakta

Bercakap mengenai seni silat di satu majlis jambatan anjuran Persatuan Kebudayaan Melayu di Lontong House, Sabtu lalu dia menambah bahawa

berdasarkan fakta-fakta yang ada, jelas bahawa seni itu telah berkembang dengan pesatnya di Indonesia, Malaysia, Singapura, Brunei, Filipina dan Thailand.

Besar kemungkinan terdapat seni ini di Sri Lanka dan Malagasy.

Bercakap lebih lanjut dia memberitahu bahawa

satu kertaskerja mengenai projek buku silat telah dibentangkan oleh Persisi, dalam sidang selama dua hari sempena Sukan SEA yang berlangsung di Indonesia baru-baru ini.

Buku silat yang diururakan itu adalah untuk tiga buah negara Asean iaitu Singapura, Malaysia dan Indonesia.

Selepas sidang itu mereka telah membentuk Federasi Silat Antarabangsa.

## Kegiatan

Mengenai kegiatan silat, Encik Ariff menjelaskan bahawa di Indonesia saja, terdapat 800 buah badan silat yang bergabung di bawah panji-panji Ikatan Pencak Silat Indonesia

(IPSI) sementara di Malaysia pula yang terdaftar di bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan terdapat lebih 250 buah perguruan.

Di Singapura ada 14 buah persatuan yang menjalankan berbagai cabang seni itu iaitu Senigayung, Harimau Kuntaw Melaka, Bawean Asli, Cekak, Seligi Tunggal, Kuningan, Bandangan Asli, Silat Jawa, Si-Pitung, Sunda, Gestapes, Alhaq dan Esha.

Setiap silat, kata Encik Ariff, mempunyai adat istiadat yang tersendiri dalam hal-hal seperti gelanggang, pantang-larang, berguru, berkhatan, bertapa dan ujian. Begitu juga dengan pakaian, lambang dan sandang kebesaran.

Di samping seni silat, tambahnya terdapat juga sampingannya seperti soal-soal kedukunan dan persenjataan dalam dunia persilatan.

15 OCT 1979

Kedua-dua perkara ini adalah sama penting dalam kaitannya dengan seni silat. Biasanya, guru silat itu sendiri adalah seorang guru yang ahli dalam hal ini, mereka bukan saja boleh membuat ubat-ubatan asli bahkan menjampi dan mengurut.

Begitu juga dengan hal persenjataannya, sebagai contoh senjata-senjata yang biasa digunakan ialah keris, pisau, badik, parang, tombak, simbat dan rantai.

Bunyi-bunyian juga penting dalam persilatan seperti gamelan dan ada juga yang menggunakan kompong hadrah untuk rentak tarinya.

"Sejauh ini kita di Singapura dan Malaysia hanya mengetahui erti pencak silat dengan menyaksikan pertunjukan-pertunjukan kecantikan dan kecekapan permainan itu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pesta Silat Kebangsaan tidak lama dulu," katanya.

# 'Sertaan bangsa asing tak cemar seni silat'

21 OCT 1979

Berita Minggu

*Pencak Silat*

KEUTUHAN dan kesenian silat masih terjamin walaupun ia diajarkan kepada bangsa-bangsa asing, menurut beberapa orang pegawai yang berlibat dalam seni silat di sini.

Ini disebabkan silat yang diajarkan kepada bangsa-bangsa asing ini lebih mirip kepada silat sebagai olahraga, meskipun mereka

Ahmad, ketua jurulatih bagi silat Alhaq, yang merupakan jenis silat yang tunggal dengan murid-murid bukan Melayu, silat yang diajarkan kepada mereka ini adalah yang zahir saja.

## Mempraktikkan

Mereka tidak diperlukan membaca doa dan sebagainya ketika mengikuti latihan-latihan silat ini, selain dari "meditation".

sama seperti seseorang itu mempelajari seni pertahanan diri yang lain seperti karate, tae kwon do dan sebagainya.

Encik A. Rahim Dayan pula menerangkan bahawa kecuali perbezaan membaca doa bagi pelajar-pelajar Melayu, seseorang murid bangsa asing menjalani taktik dan praktik silat yang sama.

ta, seperti keris dan sebagainya, oleh pesilat bangsa asing, mereka sepakat bahawa ia tidak akan mengubah seni silat itu.

## Dikhaskan

"Ini dapat diibaratkan seperti seseorang pelajar Melayu menyertai kelas kendo, yang mana mereka